

Teknologi nasi kerabu

Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hishamuddin dinobatkan juara pertandingan saintis muda

>>Oleh Michelle Gun
michellegun@hmetro.com.my

SERDANG: Kreativiti menjadikan bunga telang, bahan pewarna masakan nasi kerabu dalam bentuk serbuk bagi memudahkan penyediaan makanan tradisi masyarakat Kelantan itu menobatkan Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) Sultan Hishamuddin, Klang sebagai juara pertandingan L'oreal Saintis Muda, sekali gus membawa pulang wang tunai RM3,000, semalam.

Tempat kedua disandang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan meraih RM2,000 manakala tempat ketiga dimenangi SMK Jalan Empat yang menerima RM1,000.

Hadiah disampaikan Pengarah Urusan L'oreal Malaysia, Andrew Stanleick dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM),



INOVASI...pelajar SAMT Sultan Hishamuddin menunjukkan serbuk bunga telang sebagai pewarna nasi kerabu.

Profesor Datin Paduka Dr Aini Ideris di institusi berkenaan, di sini.

Guru SAMT Sultan Hishamuddin, Che Azwira Che Aziz berkata, dia dan pela-

jarnya tidak menyangka produk diberikan gelaran Blue Pea Powder itu berjaya menarik perhatian juri walaupun mendapat saingan sengit dari sekolah lain.

“Bunga telang digunakan untuk menghasilkan warna biru bagi nasi kerabu. Bagi memudahkan proses penyediaan makanan berkenaan, kami melakukan beberapa

“Kami melakukan beberapa kajian sebelum mendapati bunga ini boleh digunakan dalam bentuk serbuk selain mampu disimpan lama”

>Che Azwira Che Aziz

kajian sebelum mendapati bunga ini boleh digunakan dalam bentuk serbuk selain mampu disimpan lama,” katanya.

Menurutnya, sekolah terbabit menghantar seramai 15 peserta dan mempertaruhkan tiga projek untuk menghasilkan produk inovasi dalam pertandingan di mana dua daripadanya adalah penciptaan alat menangkap serangga dengan cara menyedut dalam bentuk senapang

dan membuat scrub badan daripada hampas kelapa.

“Wang dimenangi itu akan disumbangkan kepada pihak sekolah dan kami juga bercadang menggunakan sebahagiannya untuk memperkembangkan lagi produk ini untuk dikomersialkan,” katanya.

Pertandingan L'oreal Saintis Muda disertai enam sekolah menengah berprestasi tinggi dengan mengemukakan 12 projek dan menguji pesertanya dari segi rekaan saintifik yang menumpu dalam penggunaan teknologi terkini bagi memudahkan urusan seharian.

Sementara itu, Andrew berkata, objektif pertandingan berkenaan adalah untuk mengembangkan potensi dan kemahiran saintifik pelajar ke peringkat lebih tinggi.

“Pertandingan ini juga sebagai platform untuk memamerkan hasil kajian saintis muda selain dapat menggalakkan minat pelajar terhadap manfaat sains,” katanya.

FOTO | Muhd Asyraf Sawal